

Membudayakan penjagaan alam sekitar kepada warga kampus

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR

pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 24 MEI -

Rata-rata rakyat Malaysia menghasilkan 38,000 tan sampah setiap hari sekali gus menunjukkan kira-kira 13.5 juta tan sampah dihasilkan setahun.

Jumlah itu, jelas memperlihatkan tahap kesedaran berhubung pengurusan sisa pepejal dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah.

Buat masa ini, hanya 17.5 peratus daripada sisa-sisa yang dijana dikitar semula dan ini merupakan satu peningkatan daripada lima peratus pada 2015. Bagaimanapun kerajaan berhasrat



KEMENTERIAN KESAJEHTERAAN BANDAR
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



senian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Ma-

untuk meningkatkan tahap kadar kitar semula itu kepada sebanyak 22 peratus menjelang 2020.

Namun, usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran berhubung pengurusan sisa pepejal dalam kalangan masyarakat negara ini terus dipergiatkan dengan mempelbagai program kesedaran sepanjang tahun.

Sehubungan itu, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) mengambil langkah proaktif untuk menganjurkan Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Ke-



laysia (UPM), Selangor pada 25 Mei ini.

Ketua Setiausaha Kemen-

terian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohammad Men-

UTUSAN MALAYSIA

25/5/2017 p-6



Kita mahu wujudkan budaya ini di peringkat IPT, sekiranya mereka dibudayakan lebih awal, saya percaya mereka akan meneruskan amalan murni ini sehingga melangkah ke alam pekerjaan."

DATUK MOHAMMAD MEN TEK

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan

tek berkata, konvensyen yang dijangka disertai kira-kira 3,000 pelajar dan warga institusi pengajian tinggi (IPT) merupakan satu usaha bagi mewujudkan kesedaran kelestarian kampus hijau bermula di peringkat generasi muda.

Katanya, usaha ini bagi menggalakkan pelajar IPT melaksanakan pembudayaan menjaga alam sekitar khususnya dari segi pengurusan sisa pepejal.

"Kita mahu wujudkan budaya ini di peringkat IPT, sekiranya mereka dibudayakan lebih awal, saya percaya mereka akan meneruskan amalan murni ini sehingga melangkah ke alam pekerjaan.

"Diharapkan usaha ini dapat melonjakkan pengetahuan dan kesedaran pengurusan sisa pepejal ke tahap lebih tinggi lagi," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

MOHAMMAD MEN TEK menyertai kempen menanam pokok pada program Kehidupan Sejahtera yang melibatkan sukarelawan IM4U.

Menurut Mohammad, konvensyen sehari itu akan diisi dengan program termasuk forum, mewarai perjanjian persahaman antara SWCorp dan IPT serta pengiktirafan kelestarian kampus hijau 2017.

"Paling menarik adalah pelancaran Mobile Apps Neg-

aku Bersih yang merupakan aplikasi telefon bimbit yang berperanan bagi memudahkan komuniti memperoleh informasi berkaitan program kitar semula di kawasan berhampiran.

"Selain itu, satu MoU bersama beberapa IPTA bakal dimeterai bagi tujuan kerjasama dalam sebarang kajian dan program kesedaran seperti simposium dan latihan berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam," ujarnya.

Mohammad menjelaskan bahawa sempena konvensyen itu, Anugerah Kursi Tan Sri Dr. Ali Hamsa diwujudkan sebagai satu inisiatif SWCorp untuk memantapkan penerapan budaya penjagaan alam sekitar dalam kalangan warga kampus.

Katanya, sebanyak 20 universiti awam (UA) terlibat dalam penilaian anugerah itu termasuk dari segi pengangkutan, penjimatan guna tenaga, amalan kitar semula dan penyelidikan.

"UA yang berjaya di peringkat penilaian akan diberikan Anugerah Kursi Tan Sri Dr. Ali Hamsa yang akan disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara itu pada majlis perasmian konvensyen tersebut.

"Transformasi Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang merupakan *brain child* daripada Tan Sri Dr. Ali Hamsa diharapkan melalui anugerah ini, inisiatif beliau itu akan dapat dikembangkan dan diperkasakan melalui kajian-kajian yang dibuat oleh UA yang berjaya ini.

"UA yang terpilih akan menerima geran penyelidikan selama tiga tahun berjumlah RM300,000," katanya.

Mohammad juga berharap konvensyen itu dapat memupuk semangat cintakan alam sekitar menerusi pengetahuan pengurusan sisa pepejal dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Para pelajar dan ilmuwan perlu jana idea dan memberi sumbangan fikiran kepada kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersih, indah dan sejahtera.

"Kita mesti membentuk pembudayaan pengurusan sisa pepejal mengikut acuan negara ini, sehubungan itu, idea berasas daripada rakyat amat diperlukan dalam soal ini," katanya.

